

# PM namakan model baru

UM 5 JUL 2001

KUALA LUMPUR 4 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat kilang Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) esok bagi menamakan model baru MUV (kenderaan pelbagai guna) Proton.

Model terbaru itu dengan kapasiti 1.1 liter menampilkan tranformasi kejuruteraan Proton kepada penghasilan kereta berteknologi tinggi.

Pelancaran model tersebut akan dilakukan di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) pada 21 Julai ini.

Menurut sumber, model kali ini akan menyelesaikan masalah panas di dalam kenderaan apabila ingin dipandu setelah terdedah pada cahaya matahari.

“Bagi kereta yang terdedah pada terik matahari, keadaan dalamannya menjadi panas dan tidak selesa untuk dipandu,” kata sumber tersebut.

Apa yang Proton tampilkan di dalam model kali ini ialah memperkenalkan sistem kawalan penghidup kenderaan pada satu had jarak tertentu.

Sistem tersebut membolehkan enjin kereta dihidupkan dan alat pendingin hawa mula beroperasi.

Apa yang perlu dibuat pemiliknya menekan butang tertentu pada kunci kereta mereka dan menunggu sehingga dalaman kenderaan itu sejuk sebelum dipandu.

Sistem tersebut amat praktikal sekali terutamanya di negara-negara beriklim khatulistiwa seperti Malaysia.

Selain itu, model kali ini juga akan dilengkapi dengan sistem penutupan lampu secara automatik.

“Biasanya apabila malam, kadangkala kita lupa untuk menutup lampu. Dan akibatnya bateri akan menjadi lemah dan kadangkala menyebabkan enjin sukar dihidupkan,” kata sumber itu lagi.

## Proton hari ini

Apa yang Proton lakukan kali ini ialah apabila pemilik model baru kali ini lupa menutup lampunya, di dalam beberapa saat apabila kereta dikunci, maka lampu itu akan terpadam secara automatik.

Kenderaan lima pintu itu, dijangka dijual pada harga di bawah RM50,000. Tetapi, mengenai model baru Proton kali ini, wujud pula beberapa percanggahan pendapat.

Model MUV berkapasiti 1.1 liter dilihat sebagai persaingan kepada Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua).

Perodua merupakan pengeluar kenderaan berbentuk padu (kereta kecil) yang telah terkenal di pasaran tempatan.

Sehubungan itu, model baru Proton seolah-oleh mencabar model-model Perodua terutamanya Kenari. Kenari merupakan kenderaan MPV (kenderaan pelbagai guna) dengan keupayaan enjin 1 liter dan berharga di bawah RM50,000.